

SEKUMPULAN penyelidik Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) dan Fakulti

Pertanian (FP) Universiti Putra Malaysia (UPM) menuai padi varieti baharu rintang kemarau dan berkualiti tinggi, dinamakan benih *Climate Ready* (CR) berskala besar di bendang Kampung Muring, Kelantan baru-baru ini.

Penyelidikanya, Dr. Zulkarami Berahim berkata projek kajian tersebut merupakan projek rintis pertama benih CR dituai dengan skala besar iaitu enam hektar dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kemubu (KADA).

"Pembangunan tanaman padi iklim tersedia untuk jaminan makanan di Malaysia (*Development of Climate Ready Rice for sustaining Rice Food Security*) itu memberi tumpuan menangani isu perubahan iklim bagi tanaman padi.

"Kajian asas bagi menghasilkan varieti ini bermula sejak 2013, diketuai Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail melalui siri penyelidikan asas yang dijalankan di UPM dan juga makmal Lancaster Environment Centre di Universiti Lancaster England," katanya.

Benih padi itu sangat tahan lasak, kering dan mampu hidup dalam cuaca panas melampau seperti kini.

UPM tuai padi rintis tahan kemarau

marau



MUHAMMAD Husin (dalam jentera penuai padi) bersama pesawah di bendang Kampung Muring, Kota Bharu, Kelantan.

"Jika kita lihat tali air kering dan tiada air takungan untuk

disalurkan ke kawasan padi namun padi ditanam tetap hidup dan subur," katanya. Penyelidikan berkenaan

dibiayai sepenuhnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui program Skim Geran Penyelidikan

Jangka Panjang untuk jaminan makanan di Malaysia yang memberi tumpuan menangani isu perubahan iklim bagi



ZULKARAMI Berahim menunjukkan padi yang kering akibat kemarau.



Projek kajian tersebut merupakan projek rintis pertama benih CR yang dituai dengan skala besar iaitu seluas enam hektar dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)."

ZULKARAMI BERAHIM

tanaman padi.

Ketua projek, Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail berkata, varieti benih berkenaan dijangka sedia dipasarkan kepada petani pada tahun depan kerana perlu melalui prosedur untuk mendapatkan pengesahan varieti di bawah skim subsidi benih padi sah oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi pengesahan varieti padi baharu.

"Varieti baharu padi ini masih diperingkat kajian penentusahaan setempat atau *Local Verification Trial*

(LVT) di tujuh jelang padi utama Semenanjung Malaysia termasuk di kawasan luar jelang dibawah pengurusan Jabatan Pertanian Malaysia.

"Kajian penentusahaan setempat dilakukan untuk mendapat pengesahan dari pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bahawa varieti padi kita ini setanding dengan varieti sedia ada," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Muhammad Husin berkata, kerjasama antara pihak UPM dan pesawah di Kelantan memberi nafas baharu kepada para pesawah untuk mengusahakan tanaman padi seterusnya menyokong agenda keterjaminan makanan.

"Saya bersyukur dan seronok melihat kepada padi yang kuning penuh dan hidup dalam keadaan subur walaupun tali air kering hasil penanaman padi varieti CR ini.

"Saya yakin hasil untuk benih padi tahan kemarau ini dapat membantu petani hadapi kemarau. Terima kasih kepada pihak UPM yang diketuai Prof. Dr. Mohd. Razi Ismail dan pasukan penyelidik iaitu Dr. Zulkarami Berahim dan Dr. Asma'a Awang yang telah berikan komitmen berterusan dalam usaha menghasilkan varieti tahan kemarau ini.

awah

